

Bela kepentingan Melayu Pulau Pinang

UM : 9/7/2007

BUKIT MERTA JAM 8 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, UMNO sentiasa berpegang kepada politik realiti dengan memberi sokongan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang yang diterajui oleh pemimpin parti lain dalam komponen Barisan Nasional (BN).

Pada masa yang sama, tegas Timbalan Perdana Menteri, UMNO tetap menuntut agar Ketua Menteri Pulau Pinang membela kepentingan Melayu di negeri ini.

"Di Pulau Pinang, kita ada sepakat, kita ada persefahaman, kita ambil kira realiti politik. Ini kontrak sosial yang dituntut oleh Melayu Pulau Pinang dan kalau kita terima, Insya-Allah semua akan dapat manfaat.

"Saya percaya kalau kita berpegang kuat kepada prinsip ini, banyak cara dan kaedah boleh kita guna untuk terus membela kedudukan Melayu di Pulau Pinang," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO menyatakan demikian ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Batu Kawan, di sini hari ini.

Menurutnya, kejayaan negara seperti yang dinikmati ketika ini diperolehi setelah pemimpin negara memperoleh kata sepakat menerusi formula perkongsian kuasa.

Bagaimanapun, semua pihak perlu mempertahankan prinsip Islam sebagai agama rasmi, kedudukan dan hak istimewa orang Melayu yang termaktub dalam perlembagaan dan kedudukan bahasa kebangsaan.

Prinsip

"Itu soal prinsip tetapi apabila sampai soal realiti, kita tidak boleh mentadbir negara dengan berjaya kalau negara kita tidak aman, tidak stabil, kucar-kacir dan bergaduh antara satu sama lain.

"Kita tidak mungkin dapat berjaya seperti mana hari ini tetapi sebaliknya negara kita berjaya kerana UMNO memperolehi formula yang terbaik dengan kita menjadi tulang belakang tetapi kita berkongsi kuasa dengan yang lain," ujarinya.

Dalam pada itu, beliau meminta orang Melayu tidak menuding kepada pihak lain berhubung masalah mereka hadapi kemungkinan ia berpunca daripada diri sendiri seperti mengutamakan kumpulan kecil atau mungkin pengurusan yang tidak baik.

Beliau memberi contoh bagaimana Yahudi yang hanya 14 juta di seluruh dunia tetapi mempunyai pengaruh begitu kuat berbanding 1.4 bilion penganut agama Islam.

"Ini bererti kalau kita tumpu bina kekuatan dan tradisi kita, bilangan yang kecil boleh berjaya lebih apa yang disangkakan.

"Jangan sesekali rasakan orang Melayu, walaupun hanya 30 peratus di Pulau Pinang, tidak mungkin capai hasrat dan cita-cita. Sebaliknya kalau susun langkah, tiada sebab mengapa Melayu di Pulau Pinang tidak boleh capai kejayaan lebih besar," katanya.